

Sajak Prof. Muhammad

negaraku

dari kinabalu aku memantu negeri
menyusur sungai
yang mengalir antara dusun.

dari pulau kulihat
kampung yang menjalin pantai,
perahu berkayuh
di atas bayang karang.

kudongakkan kepala ke kelapa
yang menyata lentur bangsa,
kuranduk air sawah
untuk merasa bahawa kita bahagia
walau tidak semuanya mewah.

musim belayar di angin
dan singgah pada sarang tengkujuh.

aku menghilir sungai
untuk kembali ke kampung tua
yang berakit di sejarah.

merdeka itu bebas

merdeka itu bermaksud bebas
bebas
berdiri bersama pohon purba
menengadah ke langit
mendengar bunyi nyanyian awan
dan ayun dahan
menghirup wajah hijau cakerawala
dan wangi nafasnya.

bebas berbaring
merenung sudur belantara berkembang
dan bunga bersemi selepas hujan

bebas
memanjat gunung pagi
dan mengikut renang ikan di ulu
dan menyauk matahari di muka air.

merdeka itu bebas
bebas berjejak pada pasir dan tanah leluhur
bebas berenang bersama penghuni karang
dan menghormati keindahannya

bebas bangun dengan ciap purba
serta bau padi dan ubi di paya.

merdeka itu bebas
bebas kembali ke teduh kampung
atau terbang ke sempadan bangsa-bangsa.

bebas berfikir dan bebas merasa
bebas membesar dari kata
 dan bebas dari bendung kuku
 dan dompet peniaga dan banknya
bebas menyanyi lagu sendiri
 menarik nasib di baris dondang sayang
 dan lebur dalam irama cair syairnya

bebas menyusun kata –
yang tumbuh dari tanah air maruah

merdeka itu bebas
bebas untuk bangga bahasa ibunda
dalam lidah terpelat atau bunyi terasmi.

merdeka itu bebas

bebas dari kemiskinan
dan dari kekayaan yang dicuri dari
hutan dan manusia tidak berdaya.

merdeka itu bebas
berkata dengan hujah sendiri,
dan menyata pertimbangan diri,
meletus dengan gagasan yang
datang dari gelegak hati.

merdeka itu bebas
bebas untuk bekerja
menyempurna wujud
diri dan tanah air

merdeka itu bebas
bebas berkayuh di sungai jernih
menambak tanjung
dan membersihkan pantai
mengilir di sungai sejarah
hingga ke muara dan samudera.

merdeka itu
bebas membina rumah maruah
melukis jiwa tercerah
dengan warna sendiri

bebas itu merdeka
bebas
menghadapi cermin bangsa
berdiri di depan kacanya

menerima senyum atau derita
wajah di dalamnya.

bebas duduk di pondok
di tepi sawah,
di menara kota
atau bukit yang memanjat ke langit
bebas tumbuh bersama padi, jagung,
jalan raya dan pelabuhan.

bebas itu bermaksud merdeka
bebas dari dihina perbezaan,
bebas dari lidah dan tangan
kezaliman
bebas bertanggungjawab terhadap peribadi
kerana kita berdiri di tanah leluhur
dan sejarahnya.

si tenggang's homecoming

i

the physical distance that i traverse
is a journey of the soul
transport of the self from a fatherland
to a country collected by sight and mind.
the knowledge that sweats from it
is a stranger's experience
from one who has learnt to see, think
and choose between
the changing actualities.

ii

it's true i have growled at my mother and grandmother
but only after having told them of my predicament
that they have never brought to consideration
the wife that i began to love in my loneliness
in the country that alienated me
they enveloped in their pre-judgement
i have not entirely returned, i know
coarsened by problem
estranged by absence.

iii

but look
i have brought myself home
seasoned belief
broadened by land and languages
i am no longer afraid of the oceans
or the differences between people
not longer easily snared
by words or ideas.

the journey was a loyal teacher
who was never tardy

in explaining cultures or variousness
look, i am just like you
still malay
receptive to what
i believe is good
and more ready to understand
than my brothers
the contents of this boat are yours too
because i have returned.

iv

travels makes me
a seeker who does not take
what is given without sincerity
or that which demands payments from beliefs
the years at sea and in costal states
have taught me to choose
to accept only those tested by comparison
or that which matched the words by ancestors
which return me to my village
and completeness.

v

i've learnt
the ways of the rude
the hold actuality in a new logic
debate with hard and loud facts
but i too
am humble, respecting man and life.

vi

i am not a new man
not very different
from you
the people and cities
of costal ports
taught me not to brood

over a foreign word
suffer difficulties
or fear possibilities.

i am you
freed from village
its soil and ways
independent, because
i have found myself.